

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
[ PARIT ]**

**SOALAN**

**DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [ PARIT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) apakah status terkini kelulusan pembinaan Hospital Seri Iskandar yang sekian lama telah dipohon; dan
- (b) bilakah kerja-kerja pembinaan hospital ini akan dilaksanakan serta jangkaan tarikh untuk disiapkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Projek Pembinaan Hospital Seri Iskandar, Perak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, *Rolling Plan 4*, (RMK-10, RP4).
2. Projek ini telah diiklan pra kelayakan pada 22 Jun 2020 dengan tarikh tutup tender pada 4 Disember 2020. Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan pada 5 Mac 2021. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 42 bulan dan dijangka siap pada September 2024.
3. Kementerian komited untuk memastikan hospital ini dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Ia penting bagi memastikan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang terbaik tersedia kepada masyarakat di negeri Perak khususnya di Daerah Perak Tengah.

Sekian, terima kasih.